

Kepala udang jadi 'ubat kurus'

KOSMO 22/04/08 Pg.14

Oleh MANIRAH OTHMAN
manirah.othman@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU - Tahukah anda, sisa buangan kepala udang kecil yang sebelum ini tidak diketahui kegunaannya boleh dimanfaatkan sebagai chitosan atau ejen pembakar lemak.

Penemuan tersebut dinyatakan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin, mengenai kegunaan sisa buangan itu yang sedang dalam kajian.

"Selain itu, ekstrak kepala udang kecil itu juga boleh dimanfaatkan menjadi baja serta produk-produk lain yang bernilai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman penyelidikan itu di UMT di sini, semalam.

Kerjasama akan dijalankan dengan Sustainable Exploitation of Aquatic Products (Seapro) melalui French Institute of Research for Exploitation of The Sea (Ifremer).

Seapro diwakili Ketua Penyelidik Ifremer, Dr. Jean Pascal Berge.

Menurut Sulaiman, selain penyelidikan produk-produk akuatik, antara program lain yang akan dijalankan melalui kerjasama itu ialah pertukaran kakitangan dan pelajar, pertukaran penerbitan dan khidmat.

"Kita harap dengan terjalinnya kerjasama ini, bukan sahaja akan menambah pengetahuan pihak pengurusan, tenaga pengajar dan pelajar tetapi juga diharap dapat meningkatkan prestasi dan daya saing UMT dalam sektor penyelidikan," katanya.



DR. SULAIMAN (kiri) bertukar dokumen dengan Dr. Jean pada majlis menandatangani memorandum persefahaman antara UMT dan Ifremer di Kuala Terengganu semalam.